

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 27 JANUARI 2017 (JUMAAT)

Beri insentif pemaju jayakan program bandar rendah karbon

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan dan Negeri disaran menyediakan insentif kepada pemaju dalam melaksanakan pembangunan ke arah menjayakan matlamat bandar rendah karbon di negara ini.

Datuk Bandar Shah Alam, Dato Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, insentif seperti pengurangan cukai serta barangan berkaitan pembinaan adalah galakan kepada pemaju untuk bekerjasama dalam program berkenaan.

"Kalau terdapat insentif daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Kementerian

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, maka pihak pemaju akan memberi kerjasama baik.

"Bagaimanapun, ia tidak pernah disentuh dan dinyatakan tiga pihak berkaitan," katanya dalam sidang media selepas majlis perasmian Bengkel Program Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon Shah Alam 2017, pada 19 Januari lalu.

MBSA menetapkan sasaran menjadikan Shah Alam sebagai bandar rendah karbon, menjelang 2030.

Beliau berkata, perkara itu

pernah dibincangkan pihaknya bersama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), namun ia belum disentuh Kementerian terbabit bersama Kementerian berkaitan.

"Sekiranya terdapat insentif sesuai, maka kerjasama baik akan diberikan pemaju dalam menjayakannya.

"Tanpa insentif sedemikian, pemaju mengenakan bayaran agak tinggi yang perlu ditanggung pembeli. Bagi MBSA, kita akan berusaha memikirkan kaedah sesuai berhubung perkara itu," katanya.